

KESAN-KESAN TINGKAHLAKU RESPONDEN-RESPONDEN

38. Setelah banyak percubaan yang tidak berjaya walaupun sekadar mengatur perundingan mengenai perkara ini, saya sesungguhnya percaya bahawa satu-satunya kesimpulan ini adalah bahawa Responden-Responden langsung tidak berniat untuk mempertimbangkan kebajikan Pemohon Pertama hingga Kesembilan.
39. Saya sesungguhnya percaya bahawa tingkah laku Responden-Responden adalah tidak adil dan memudaratkan Pemohon Pertama hingga Kesembilan. Sekiranya Responden-Responden mengambil sedikit masa untuk mendengar nasib-nasib Pemohon Pertama hingga Kesembilan, Responden-Responden akan tahu bahawa mereka telah melabur jumlah wang yang besar wang ke atas Tanah tersebut dan kebanyakan keluarga mereka bergantung sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti pertanian untuk pendapatan.
40. Selain itu, Pemohon Pertama hingga Kesembilan telah melabur begitu banyak wang kerana mereka tidak dimaklumkan pada peluang terawal mana-mana rancangan Responden-Responden untuk Tanah tersebut digunakan untuk tujuan lain;
41. Keputusan ini mengancam kehidupan mereka dan kebajikan keluarga mereka.

42. Mereka dan keluarga mereka akan menghadapi masalah kewangan yang perit kerana pertanian adalah cara mereka mencari rezeki dan ianya adalah hampir mustahil untuk mendapatkan tanah lain disebabkan masalah kewangan mereka.
43. Selain itu, ancaman kepada keselamatan makanan merupakan isu yang amat nyata yang telah langsung tidak diambil kira.

ALASAN-ALASAN SEMAKAN KEHAKIMAN

44. Saya dinasihatkan oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa dalam mencapai Keputusan tersebut, Responden terkhilaf dalam undang-undang dan bertindak melebihi atau tanpa bidang kuasa apabila:

Pemohon Pertama hingga Kesembilan

44.1 berkenaan Pemohon Pertama hingga Kesembilan –

- (a) gagal memberi sebarang perhatian yang sewajarnya terhadap faktor-faktor yang berkaitan seperti berikut:
- (i) pada setiap masa material Responden. Responden sedar sepenuhnya, mengiktiraf dan mengakui pendudukan mereka di atas Tanah tersebut;

- (ii) terdapat persetujuan dan/atau lesen tersirat oleh Responden-Responden untuk menduduki Tanah tersebut bagi tujuan aktiviti pertanian mereka;
- (iii) mereka telah menukar dan membangunkan plot tanah yang terbiar kepada suatu sumber pertanian yang subur yang menyediakan hasil serta menjamin keselamatan makanan kepada rakyat Perak dan Malaysia; dan
- (b) gagal menghargai sepenuhnya pelaburan besar yang dibuat oleh mereka ke atas Tanah tersebut serta kesan kewangan dalam menafikan mereka daripada Tanah tersebut dan satu-satunya sumber pendapatan mereka tanpa apa-apa pampasan atau plot tanah alternatif untuk meneruskan aktiviti pertanian mereka;
- (c) gagal untuk mempertimbangkan dengan sewajarnya hak mereka dalam ekuiti untuk kekal di atas Tanah tersebut untuk aktiviti-aktiviti pertanian mereka;
- (d) bertindak melanggar jangkaan yang sah mereka untuk dibenarkan untuk terus menduduki Tanah tersebut untuk aktiviti-aktiviti pertanian mereka;
- (e) bertindak melanggar jangkaan yang sah mereka untuk diberitahu dengan seberapa segera mana-mana

rancangan oleh Responden untuk menggunakan Tanah tersebut bagi tujuan lain;

- (f) bertindak melanggar prinsip keadilan asasi, dengan tidak memberi mereka peluang untuk didengar sebelum membuat Keputusan tersebut dan bila-bila masa selepas itu;
- (g) bertindak melanggar jangkaan yang sah mereka untuk diberi pampasan atau disediakan dengan suatu tanah alternatif untuk meneruskan aktiviti-aktiviti pertanian mereka;
- (h) bertindak dengan langsung tidak mempedulikan kepentingan, kebijakan dan kehidupan mereka;
- (i) bertindak dan menunjukkan perlakuan yang tidak selaras dengan mana-mana Pihak Berkuasa Negeri lain yang munasabah yang ditugaskan untuk menjaga kebijakan rakyatnya;
- (j) walau apa pun kesemua fakta-fakta kes, bertindak melanggar hak perlembagaan mereka untuk hidup dalam menafikan pekerjaan yang dibuat untuk penghidupan kami.

Pemohon Kesepuluh

44.2 berkenaan Pemohon Kesepuluh –


- (a) bertindak melanggar jangkaan yang sah saya untuk diajak berunding, atas kapasiti saya sebagai Ahli Parlimen, dalam perkara-perkara yang memberi kesan secara langsung kepada kehidupan dan kebajikan pengundi saya;
- (b) gagal untuk menghargai sepenuhnya dan mempertimbangkan dengan sewajarnya isu keselamatan makanan yang akan memberi kesan kepada usaha saya membangkitkan isu ini kepada Kerajaan;
- (c) b melanggar prinsip keadilan asasi apabila mereka menafikan hak saya untuk didengar sebagai Ahli Parlimen dalam menjalankan tugas-tugasnya untuk menangani perkara yang memberi kesan secara langsung kepada kehidupan dan kebajikan pengundi saya;
- (d) bertindak dan menunjukkan perlakuan yang tidak selaras dengan mana-mana Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Negeri lain yang munasabah yang ditugaskan untuk menjaga kebajikan rakyatnya; dan

- (e) bertindak dengan langsung tidak mempedulikan kepentingan, kebajikan dan kehidupan Pemohon Pertama hingga Kesembilan.


Penggantungan Keputusan

45. Saya telah dinasihatkan oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa diberikan semua fakta dan keadaan kes ini, Responden-Responden telah membuat keputusan yang tidak munasabah, tidak rasional dan benar-benar tidak adil. Mana-mana Pihak Berkuasa Negeri atau Kerajaan Negeri yang diletakkan dalam keadaan yang sama tidak akan membuat Keputusan sedemikian.
46. Saya dinasihatkan oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa sementara menunggu penentuan Permohonan ini, terdapat keadaan khas yang memerlukan suatu penggantungan Keputusan kerana jika Pemohon Pertama dan Kesembilan terpaksa mengeluarkan semua hasil dan produk kami (termasuk peralatan pertanian) dari Tanah tersebut sekarang dan memberhentikan aktiviti-aktiviti pertanian selanjutnya, ianya boleh menyebabkan Permohonan ini sia-sia.
47. Untuk mengekalkan *status quo* sementara menunggu penentuan Semakan Kehakiman ini, Keputusan ini harus digantungkan.

48. Untuk semua sebab-sebab yang dinyatakan di atas, saya dengan rendah diri meminta Permohonan Semakan Kehakiman yang difailkan di sini dibenarkan dengan kos.

Kepada suatu afidavit oleh deponen)
Michael Jeyakumar Devaraj) 
Diikrarkan pada 7 hb Julai)
2015 di *Non* 14 JUL 2015) **Michael Jeyakumar Devaraj**

Di hadapan saya,



Afidavit Pemohon No. 2 ini difailkan oleh Sreenevasan, peguamcara bagi Pemohon-Pemohon yang dinamakan di atas dengan suatu alamat untuk penyampaian di Tingkat Bawah, Blok B, Kompleks Pejabat Damansara, Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

[Ruj: AS.2015.1071]

[No. Tel: 03-2095 2122

No Faks: 03-2095 1322]